

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## TAK PATUH SOP: 2 TAPAK BINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN NEGERI SEMBILAN DITUTUP

28 Jun 2021

### PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: KUALA LUMPUR

Satu Pemeriksaan Operasi Bersepadu SOP COVID-19 PKP 3.0 oleh Penguatkuasa CIDB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (CIDB WPKL) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Negara (JIM), Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja (JKKP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dilakukan sekitar daerah Mukim Batu.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 1 tapak :

- 1 tapak beroperasi dan **tidak patuh SOP**

Satu (1) tapak yang menjalankan projek kategori 1 iaitu Penyelenggaraan & Pembaikan Cerun yang telah memperoleh surat kebenaran beroperasi daripada pihak MITI didapati tidak patuh SOP dan telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan penguatkuasa CIDB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, PDRM, JIM, JKPP dan DBKL kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

1. Kapasiti pekerja melebihi 60% yang telah ditetapkan
2. Tiada keudahan pengangkutan pergi dan balik disediakan oleh pihak kontraktor

### **Tindakan CIDB WPKL:**

- Notis N3E/2021 telah dikeluarkan kepada Kontraktor Utama (Notis Pelanggaran Kewajipan Kontraktor)
- Notis N2/2015 telah dikeluarkan kepada Kontraktor Utama (Notis Pengemukaan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan).

### **Tindakan JKPP:**

Tidak menyediakan alat pengimbas suhu untuk pekerja masuk telah dikenakan kompaun sebanyak RM10,000.00 dan kapasiti pekerja melebihi 60% yang telah ditetapkan telah dikenakan kompaun sebanyak RM10,000.00.

**Tindakan DBKL:**

Menghalang laluan saluran air, AJPB seksyen 70A 9 telah dikenakan kompaun sebanyak RM50,000.

**PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: NEGERI SEMBILAN**

Satu Operasi Pemeriksaan Tapak Bina PKP 3.0 CIDB Negeri Sembilan telah dilakukan di Daerah Seremban yang telah disertai wakil dari Majlis Keselamatan Negara.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 1 tapak :

- 1 tapak **tidak patuh SOP**

Tapak pembinaan yang menyiapkan kerja tanah, kawalan hakisan, perparitan utama, dinding penahanan dan kolam takungan telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Seremban kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

1. Skop kerja yang berjalan di tapak bina bercanggah dengan kebenaran MITI PKP 3.0
2. Tiada kelulusan pembangunan penginapan pekerja di tapak bina dari JTK/PBT
3. Kapasiti pekerja melebihi 60 peratus (%) yang telah ditetapkan
4. Kediaman tidak didaftarkan dengan aplikasi mysejahtera

**Tindakan:**

- Notis Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor) N3E/2021
- Notis Mengemukakan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan N2/2015
- Notis Pemberitahuan Kesalahan di bawah Seksyen 34B (kewajipan kontraktor)
- Notis Arahan Hadir (perhatian kepada pengarah syarikat) N9/2015
- Menampal notis penutupan tapak bagi kesalahan pelanggaran SOP COVID 19 MKN
- Menyita keseluruhan tapak bina dengan pita larangan masuk

## **LATAR BELAKANG**

Sebanyak 171 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, sebanyak 3,249 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 620 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 2,629 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 620 tapak yang beroperasi didapati 171 tapak pembinaan (28%) tidak mematuhi SOP, manakala 449 (72%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 171 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 28 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 171 tapak pembinaan yang ditutup, sebanyak 53 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (34), Melaka (12), Sabah (11), Pulau Pinang (10), Johor (9), Kuala Lumpur (8), Perak (7), Negeri Sembilan (7), Terengganu (6), Pahang (6), Kedah (3), Perlis (3) dan Kelantan (2).

Manakala 28 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Melaka (7), Sarawak (7), Selangor (6), Terengganu (4), Johor (2), Kuala Lumpur (1) dan Kedah (1).

## **PERINGATAN**

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

**####**



